



FULLBOARD



12 Hari 9 Malam  
**MOROCCO + SPAIN + PORTUGAL**

Casablanca - 1M Marrakesh - 1M Rabat - 1M Tangier - Tarifa - 1M Seville  
Sintra - 1M Lisbon - 1M Seville - Cordoba - 1M Granada - 2M Madrid

**HARI 01**

**KUALA LUMPUR - ABU DHABI**

- Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menaiki penerbangan ke Casablanca. (Transit di Abu Dhabi)

**HARI 02**

**ABU DHABI - CASABLANCA - MARRAKESH**

- Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Mohammed V, bertolak menuju ke Casablanca yang merupakan kota terbesar di Morocco.
- Melawat **Hassan II Mosque**, merupakan masjid ke-5 terbesar di dunia dan uniknya masjid ini dilengkapi oleh laser yang diarahkan ke Mekah.
- Makan tengahari di restoran tempatan sebelum bertolak menuju ke kota **Marrakesh** yang dahulunya sebuah bandar diraja.

**HARI 03**

**MARRAKESH - RABAT**

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Memulakan lawatan sekitar kota **Marrakesh**, **Bahia Palace** yang merupakan sebuah istana yang tersergam cantik dengan 160 buah bilik yang dibina pada akhir kurun ke-19 dan merupakan seni bina gabungan Islam dan tradisional Maghribi terbaik yang pernah dibina.
- Seterusnya ke **Tombeaux Saadiens** atau disebut Makam Saadiens, merupakan makam kerabat Sultan Al-Mansur Saadiens, **Koutoubia Mosque** yang merupakan masjid utama di kota ini dan memiliki sebuah menara setinggi 77 meter dan berkonsepkan tradisional Morocco, **Spice Pharmacy** yang menjual pelbagai minyak wangi, sabun, argan oil, rempah-rempah masakan dan banyak lagi sambil diberi penerangan tentang khasiat barang-barang tersebut.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan tetamu diberi masa bebas di **Djemaa El-Fnaa Square** yang merupakan sebuah dataran dan pasar tradisional yang paling popular yang terletak di **Old Medina**. Tetamu berpeluang membeli belah barangan seperti jubah dan pakaian, beg, tudung, barangan seramik, cenderamata serta berpeluang mencuba pelbagai makanan tempatan dan melihat kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat tempatan.
- Meneruskan perjalanan ke Rabat dan makan malam di restoran tempatan.
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Rabat.

**HARI 04**

**RABAT - TANGIER**

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Meneruskan lawatan di sekitar **Rabat** yang merupakan ibu negara Morocco, antaranya **Kasbah of The Udayas** yang merupakan sebuah kubu pertahanan dan istana kediaman pemimpin semasa zaman pemerintahan Khalifah Almohad. Tetamu juga berpeluang membeli belah di **Old Bazaar**, yang menjual pelbagai barangan terutama kulit, pakaian, barangan seramik, cenderamata dan banyak lagi.
- Melawat **Hassan Tower**, sebuah menara kepada masjid yang tidak siap dibina selepas kemangkatan Sultan Yacub Al-Mansour. **Mausoleum of Mohamed V** yang menempatkan makam King Mohamed V serta dua anaknya iaitu King Hassan II dan Putera Abdullah. Makan tengahari di restoran tempatan dan meneruskan perjalanan ke Tangier.
- Setibanya di **Tangier**, melawat **Cave of Hercules** yang merupakan sebuah gua yang mempunyai pintu yang berhadapan dengan lautan Atlantik yang cukup terkenal dengan bentuknya yang ganjil seolah-olah menyerupai peta benua Afrika.
- Kemudian tetamu di bawa melawat **Cape Spartel** untuk berfoto panorama Selat Gibraltar.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Tangier.



**HARI 05**

**TANGIER - TARIFA - SEVILLE**

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak ke pelabuhan Tangier untuk menaiki feri ke **Tarifa**, Spain merentasi Selat Gibraltar di mana lautan Atlantik bertemu dengan Mediterranean.
- Setibanya di Tarifa, tetamu di bawa untuk makan tengahari di restoran tempatan.
- Meneruskan perjalanan ke **Seville** dan melawat **Plaza de Espana** yang diberi nama 'Maria Luisa Park', bangunan yang cukup mengagumkan reka bentuknya dan terdapat kolam air pancut besar di tengahnya serta lukisan di sepanjang tembok, **Jardines de Murillo**, Seville Cathedral yang merupakan pada asalnya adalah sebuah masjid yang kemudiannya diruntuhkan dan dibina semula sebagai gereja Roman Katolik dengan menara asal masjid tersebut yang bernama **Giralda Tower** masih utuh berdiri disebelannya termasuklah **Orange Tree Courtyard** yang merupakan sebahagian dari peninggalan masjid tersebut, berfoto di **Torre del Oro** merupakan salah satu mercu tanda Seville yang dibina pada abad ke-13 semasa dinasti Almohad untuk mengawal akses ke plabuhan, membeli belah cenderamata di **Santa Cruz Quarter** yang merupakan kawasan kejiranan bersejarah zaman pertengahan.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Seville.

**HARI 06**

**SEVILLE - SINTRA - LISBON**

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke negara Portugal dan melawat kota **Sintra** yang terkenal dengan tarikan **Palace Da Pena**, sebuah istana yang terletak di atas bukit dan termasuk dalam satu dari tujuh Seven Wonders of Portugal dan juga merupakan UNESCO World Heritage Site. Seterusnya menuju ke Lisbon dan makan tengahari di restoran tempatan. Solat di **Central Mosque of Lisbon**.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Lisbon.

**HARI 07**

**LISBON - SEVILLE**

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Melawat sekitar bandar **Lisbon**, antaranya berfoto di Belem Tower yang merupakan menara kubu pertahanan yang dibina pada abad ke-16 dan **Monument to the Discoveries** yang dibina berbentuk seakan - akan kapal pada tahun 1940, **Jeronimos Monastery** yang merupakan sebuah biara dengan seni bina Portugis-Gothic Manueline.
- Seterusnya melawat **Rossio Square** iaitu dataran yang paling meriah di Lisbon yang dikelilingi oleh air pancut Baroque, monument dan tugu bersejarah serta bangunan **Dona Maria II National Theatre**. Makan tengahari di restoran tempatan dan Solat di **Central Mosque of Lisbon**.
- Bertolak ke Seville dan makan malam di restoran tempatan. Daftar masuk hotel dan bermalam di Seville.

**HARI 08**

**SEVILLE - CORDOBA - GRANADA**

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Meneruskan perjalanan ke Cordoba dan tetamu di bawa melawat ke **Mosque of Cordoba** atau dikenali sebagai 'Mezquita', masjid-gereja yang dibina dengan senibina Islam terbaik di dunia. Masjid ini telah diubahsuai menjadi gereja setelah kejatuhan empayar Islam dan kesan masjid yang masih boleh dilihat adalah ukiran ayat suci Al-Quran di dinding masjid, tiang, menara dan mihrab.

- Lawatan diteruskan ke **Jewish Quarters**, sebuah kawasan kejiranan Yahudi yang diberi kebebasan beragama dan penempatan ketika pemerintahan Islam Almohad. Kawasan ini dikelilingi rumah-rumah yang dicat putih dan patio dengan bunga berwarna-warni.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan meneruskan perjalanan ke Granada yang cukup terkenal dengan ikonnya iaitu Alhambra Palace.
- Setibanya di **Granada**, melawat **Albayzin Muslim Quarters** yang merupakan pusat budaya Islam tertua di Granada dan terletaknya Grand Mosque of Granada. Di masjid ini menawarkan lokasi paling sesuai untuk mengambil gambar panorama indah Alhambra Palace.
- Selepas menunaikan solat di **Grand Mosque of Granada**, tetamu di bawa untuk makan malam di restoran tempatan.
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Granada.

## HARI 09

SP/MT/MM

### GRANADA - ALHAMBRA PALACE - MADRID

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Memulakan lawatan melawat **Alhambra Palace** yang asalnya dibina sebagai kubu sebelum diubahsuai menjadi istana oleh pemerintah Kerajaan Granada Nasri yang berbangsa Moorish. Alhambra juga merupakan pintu kepada budaya Moor pastinya menjanjikan pemandangan cukup indah dengan ukiran dinding kaligrafi ayat suci Al-Quran dan ukiran bermotifkan bunga.
- Kemudian melawat ke **Generalife Gardens**, sebuah istana rehat musim panas diraja yang dihiasi dengan patio, kolam, taman bunga dan pepohonan yang menghijau, mata air dan deretan tiang yang dihubungkan ke Alhambra melalui laluan berbunga.
- Bertolak ke Madrid dan singgah untuk makan tengahari.
- Setibanya di **Madrid**, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.
- Bermalam di Madrid.

## HARI 10

SP/MT/MM

### MADRID - TOLEDO - MADRID

- Sarapan pagi di hotel.
- Bertolak menuju ke **Toledo** yang dikenali sebagai bandar imperial kerana pernah menjadi lokasi utama balai rong Charles I. Ia juga menerima jolokan Bandar Tiga Budaya disebabkan oleh pengaruh bersejarah agama Kristian, Yahudi dan Muslim yang wujud bersama-sama dalam satu masa. Berfoto di **Mirador del Valle** di mana teramu berpeluang menyaksikan pemandangan panorama yang cukup indah kota Toledo dari sini.
- Seterusnya di bawa melawat ke **Mosque of Cristo de la Luz** yang merupakan masjid yang telah ditukarkan menjadi gereja, **Puerta Bab Al-Marhum** yang merupakan pintu gerbang kota Toledo, **Alcantara Bridge** adalah jambatan yang dibina oleh Rom merentasi Sungai
- Tagus pada zaman pertengahan.
- Membeli belah cenderamata di **Zocodover Square** sebelum bertolak pulang ke Madrid.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan solat di **Abu-Bakr Mosque**.
- Seterusnya tetamu berpeluang berfoto di stadium yang cukup terkenal dalam kalangan peminat bola sepak iaitu **Estadio Santiago Bernabeu**, stadium rasmi pasukan bola sepak Real Madrid.
- Kemudian melawat sekitar kota Madrid antaranya, berhenti berfoto di hadapan **Royal Palace** yang merupakan istana kediaman rasmi kerabat diraja Sepanyol, melepasi **Prado Museum**, **Fountain of Cibeles** dan **Neptune Fountain** iaitu dua kolam air pancut yang terletak berhadapan dan berdekatan dengan **Plaza de la Cibeles** dan juga **Puerta de Alcala** yang merupakan pintu gerbang diraja, **Puerta del Sol** yang merupakan pusat ekonomi dan membeli belah kota ini, **Bullfight Ring**.
- Seterusnya tetamu di bawa membeli belah di **Las Rozas Village**, sebuah kawasan membeli belah barangan berjenama antarabangsa seperti Armani, Ralph Lauren, Calvin Klein, Burberry dan banyak lagi dengan harga yang berpatutan.
- Makan malam di restoran tempatan dan bermalam di Madrid.

## HARI 11

SP

### MADRID - ISTANBUL

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Madrid Barajas untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. (Transit di Abu Dhabi)

## HARI 12

### ISTANBUL - KUALA LUMPUR

- Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan memori yang cukup indah serta pengalaman penuh bersejarah di bumi Andalusia, Morocco Spain dan Portugal.

## HARGA PAKEJ

HARGA SEORANG MENGIKUT

BILIK SEORANG	BILIK BERDUA	KANAK KANAK BERDUA	KANAK KANAK BERKATIL	KANAK KANAK TANPA KATIL
RM 10088	RM 8688	RM 8088	RM 6788	RM 5888

\*\*Semua harga pakej yang ditawarkan di sini adalah tertakluk kepada perubahan semasa kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia (MYR) dengan matawang US Dollar (USD) dan Euro (EUR). Harga pakej akan berubah sekiranya kadar tukaran semasa Telegraphic Transfer (TT rates) pihak bank melebihi USD1 = MYR4.15, EUR1 = MYR5.00 dan RMB1 = MYR0.65. Notis secara rasmi akan diberikan kepada pelanggan yang telah menempah pakej tersebut dalam tempoh 30-45 hari sebelum berlepas.

## INFO PENERBANGAN

### TARIKH PENERBANGAN

24 Ogos | 28 Sep | 30 Okt

HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	EY 411	KL - Abu Dhabi	1945	2300
02	EY 613	Abu Dhabi - Casablanca	0245	0810
10	EY 76	Madrid - Abu Dhabi	1005	1925
11	EY 418	Abu Dhabi - KL	2225	1020+1

#Waktu penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.

## INFO HOTEL

Marrakesh	Mogador Kasbah Hotel / setaraf	★★★★★
Rabat	Ibis Mohammedia Hotel / setaraf	★★★★
Tangier	Atlas Almohades City Center Hotel / setaraf	★★★★★
Granada	Secotel Gran Luna De Granada Hotel / setaraf	★★★★★
Seville	Hilton Garden Inn Seville Hotel / setaraf	★★★★★
Lisbon	Aldeia Dos Capuchos Hotel / setaraf	★★★★★
Madrid	Eurostars i-Hotel / setaraf	★★★★★

## PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 9 malam yang selesai di hotel bertaraf 3-4\* (rujuk jadual senarai hotel).
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesai dan lawatan seperti aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Bahia Palace, Tombeaux Saadien, Cordoba Mosque, Alhambra Palace, Generalife Gardens, Palace Da Pena.
- Tiket menaiki feri laju dari Tangier ke Tarifa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Melayu / Inggeris beragama Islam yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays Sdn. Bhd. yang terlatih.
- Percuma beg kembara Kowamas Holidays Sdn. Bhd. setiap seorang (kecuali bayi)
- Insurans kembara (Travel Insurance)

## PAKEJ TIDAK TERMASUK

- ✗ Surcaj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- ✗ Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- ✗ Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- ✗ Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- ✗ Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.

## DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit **RM2000** seorang diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan. Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas. Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Kowamas Holidays
- berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual dibawah.

HARGA PAKEJ	AMAUN DEPOSIT	TEMPOH PERLU DIBAYAR	BAKI DEPOSIT	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 – RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 – RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 – RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

## PEMBATALAN TEMPAHAN

- Pembatalan tempahan hendaklah dibuat secara bertulis atau e-mel dalam mengelakkan sebarang kesilapan komunikasi.
- Sekiranya ingin membuat pembatalan, mesti dibuat 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas. Caj pembatalan adalah seperti jadual di bawah :

Caj Pembatalan	
Tempoh	Caj Pembatalan
45 hari atau lebih sebelum berlepas	Pemulangan deposit selepas caj admin ditolak
30 – 44 hari sebelum berlepas	Tiada pemulangan deposit
21 – 29 hari sebelum berlepas	50% dari harga pakej
15 – 20 hari sebelum berlepas	75% dari harga pakej
Bawah 15 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej

## NOTA PENTING

- Harga yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan mata wang, surcaj bahan api dan cukai lapangan terbang.
- Kami berhak untuk mengubah atau meminda perjalanan dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua penerbangan dan hotel adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.
- Tidak semua hotel menyediakan cerek elektrik dan kemudahan seterika.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.
- Pasport mesti sah untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh perjalanan.
- Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli lawatan untuk memastikan bahawa nama mereka tidak disenarai hitam oleh mana-mana badan-badan kawal selia di Malaysia yang boleh melarang perjalanan ke luar negeri.
- Kowamas Holidays Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan oleh Imigresen Malaysia dan tambang tidak akan dibayar balik.
- Semua makanan yang disebut dalam program kami adalah sesuai untuk Islam, KECUALI untuk sarapan pagi yang biasanya berdasarkan menu piawai bufet Antarabangsa Semua yang dinyatakan diatas adalah termaktub pada Terma dan syarat Kowamas Holidays Sdn Bhd.

## MAKLUMAT AKAUN



Bank : **MAYBANK BERHAD**  
Penerima : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**  
No Akaun : **5625 6230 4881**

### KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

#### HQ OFFICE

Unit 301 Block A, Level 3, Kelana Business Centre,  
97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-78030170 | 📠 03-78031260 | ✉ info@kowamasholidays.com

#### KOTA BHARU BRANCH OFFICE

Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Kota Bharu,  
Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan

☎ +6012 960 5230 (salam) | ✉ kotabharu@kowamasholidays.com

#### JOHOR BAHRU BRANCH OFFICE

G-09D(B), Ground Floor, Puteri Harbour,  
Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor

☎ +6019 331 1079 | ✉ johorbahru@kowamasholidays.com

\*Harga tertakluk kepada perubahan tukaran matawang asing semasa

\*Tarikh tertakluk kepada surcaj tambahan. Sila hubungi CS Dept kami.